

UMS-KSS jalin kerjasama strategik

UB 6-3-2019 2

PENAMPANG: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan hormat ke atas Kadazan Society Sabah (KSS) di kediaman Presidennya Datuk Marcel Leiking, di sini pada Selasa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, kunjungan itu sebagai satu usaha untuk membina jalinan kerjasama strategik, termasuk bidang penyelidikan yang boleh memanfaatkan komuniti setempat.

“Sebagai makluman, UMS telah menetapkan budaya dan bahasa pribumi (orang asal) sebagai salah daripada tujuh bidang tumpuan penyelidikan UMS.

“Kunjungan ke KSS pada kali ini sekali gus akan menyemarakkan lagi penyelidikan dalam bidang ini yang dilihat mampu meningkatkan lagi martabat bahasa serta budaya masyarakat pribumi di negeri Sabah,”katanyaketikaditemui selepas kunjungan itu.

Kamarudin turut

memaklumkan bahawa UMS telah menubuhkan Institut Kajian Pribumi Borneo (BoRIIS) yang antara lain akan meneraju penyelidikan berkaitan budaya dan bahasa pribumi.

Terdahulu, kehadiran UMS telah disambut oleh Marcel dan barisan Majlis Tertinggi serta Ahli Jawatankuasa KSS.

Marcel turut memberikan taklimat mengenai latar belakang dan hala tuju KSS kepada rombongan UMS.

- Oleh YAP SIONG HAN



KAMARUDIN (kiri) memasangkan pin logo UMS pada baju Marcel (kanan).